

# Rumah Bakti Nur Syaheera

- Oleh: Abdul Jalal Waris.
- Foto: Mohd Fairez.

## BELA NASIB KANAK-KANAK FAKIR MISKIN

SEWAKTU kita sedang menjamu selera dengan pelbagai hidangan yang enak, di beberapa sudut negara kita terdapat sebilangan warganya terpaksa mengikat perut. Begitulah yang ditegaskan oleh pengasas Rumah Bakti Nur Syaheera, Johari Haji Basri, dalam pertemuan dengan beliau awal Februari tahun ini. Menurut beliau, kehidupan golongan yang berada di dalam kategori miskin tegar di negara Malaysia terlalu ramai dan kebanyakan mereka yang tinggal jauh di pedalaman tersisih daripada mendapat bantuan.

Atas kesedaran terhadap mereka yang memerlukan, Johari telah membuka Rumah Bakti Nur

Syaheera bagi membantu bukan sahaja anak-anak yatim tetapi anak-anak fakir miskin yang memerlukan bantuan. Rumah bakti tersebut ditubuhkan dengan belanja dan modal sendiri pada mulanya sebelum bantuan daripada kerajaan dan pelbagai pihak diperolehi.

"Kami ingin memastikan anak-anak yatim serta miskin dapat membesar dengan lebih baik dan mendapat pelajaran di sekolah seperti kanak-kanak lain. Sekurangnya, mereka tidak tercicir dan mampu mengubah kehidupan peribadi serta keluarga pada masa hadapan," ujar beliau.

Bagaimanapun, belanja yang besar diperlukan untuk tujuan tersebut. Buat masa sekarang, katanya, bantuan yang diterima daripada kerajaan sebanyak

*"Masih ramai lagi anak-anak yatim dan miskin perlukan pembelaan,"*  
-JOHARI.



*TERBELA... Kanak-kanak ini diberikan penjagaan yang lebih baik.*



RM8,000 setahun tidak mencukupi.

"K a m i menempatkan sebanyak 30 orang kanak-kanak yang terdiri dari 16 lelaki dan 14 perempuan. Mereka bersekolah kebangsaan dan agama serta diberikan pendidikan lain seperti mengaji Al-Quran, komputer dan sebagainya. Jadi, belanja yang lebih diperlukan.

"Buat masa ini, kami memerlukan bantuan wang dan biskut untuk bersarapan pagi," jelas beliau.

Justeru itu, beliau memohon bantuan daripada orang ramai bagi menampung segala kos yang diperlukan.



*Ruang tamu dan ruang belajar yang selesa.*

*Setiap kanak-kanak di sini diberikan katil sendiri.*



*Johari bersama kakitangan yang menguruskan Rumah Bakti Nur Syaheera.*



*BESAR... Inilah Rumah Bakti Nur Syaheera yang menempatkan kesemua kanak-kanak tersebut.*

Sumbangan berbentuk wang boleh dibuat secara MO / PO / cek beralang di atas nama Pertubuhan Kebajikan Nur Syaheera atau memasukkan ke akaun Maybank 564856111166 (Pertubuhan Kebajikan Nur Syaheera). Sumbangan berbentuk makanan dan pakaian bolehlah dihantar ke Rumah Bakti Nur Syaheera, No. 23, Jalan Jaya Baru 3, Taman Jaya Baru, Cheras, 56000 Kuala Lumpur. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Encik Johari di talian 03-91004074 atau 012-2922542.